

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 AUGUST 2016

Dr. M: Parti Pribumi perlu ikut agenda UMNO

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui Parti Pribumi Bersatu Malaysia perlu menjadi parti politik berasaskan kaum sekiranya ia ingin bersaing dengan UMNO.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, masyarakat di bandar yang berfikiran moden dan berpelajaran tinggi mungkin menganggap politik perkauman sudah ketinggalan zaman.

Walau bagaimanapun, menurut beliau, situasi di kawasan

luar bandar adalah berbeza kerana masyarakatnya yang rata-rata miskin percaya bahawa identiti kaum adalah penting bagi menjamin kesejahteraan mereka.

“Sekiranya parti baharu ini ingin bersaing dengan UMNO, ia perlu memberi keyakinan kepada penduduk luar bandar bahawa agendanya sama seperti politik berasaskan kaum yang diperjuangkan UMNO,” katanya dalam kenyataan melalui laman blog beliau (<http://chedet.cc>) malam tadi.

UM - 19/8/2016
PKR dan DAP sebelum ini mempersoalkan dasar Pribumi yang hanya membenarkan ahlinya daripada golongan bumiputera untuk mengundi dan memegang jawatan penting manakala golongan bukan bumiputera boleh menyertai parti itu sebagai ahli bersekutu.

Dr. Mahathir dinamakan sebagai Pengerusi Pribumi dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Presiden.